

# PERANAN SISTEM PERHUBUNGAN KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM<sup>1</sup>

## ABSTRAK

*Antara indikasi utama pembangunan dan kemajuan ekonomi sesebuah negara dinilai melalui kecanggihan fasiliti sistem perhubungannya. Sebagai pemangkin ekonomi, fasiliti sistem perhubungan yang sedia ada hendaklah mampu mendokong keperluan variasi projek dan program strategik, yang pasti memberi impak peningkatan perkhidmatan yang lebih cepat, efisien dan berkualiti. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, inisiatif aktiviti ekonominya juga mengutamakan pelaksanaan dasar yang Islamik termasuklah kegiatan institusi kewangan Islam melalui peraturan dan undang-undang yang diperuntukkan. Disamping itu, sistem dan infrastruktur yang ada hendaklah sentiasa memenuhi kehendak pelanggan dan pasaran disebabkan meningkatnya intelek pelanggan dan pihak berkepentingan yang berurusan dengan mereka. Semua ini memerlukan pelaksanaan sistem dan teknologi perhubungan yang canggih dan terkini. Oleh kerana tajuk pembangunan ekonomi Islam ini cukup luas, tidak dinafikan bahawa cabaran dalam melaksanakannya cukup signifikan, maka perbincangan kertas ini akan menumpukan kepada bagaimana sistem perhubungan memainkan peranan terhadap kewangan Islam agar menepati kehendak Syara'.*

---

<sup>1</sup> Dibentangkan sempena Majlis Ilmu tahun 2016 pada 25 Ogos 2016.

## MUQADDIMAH

Kemajuan sistem perhubungan di abad dua puluh satu ini membawa perubahan yang amat besar kepada budaya kehidupan manusia masakini. Antara perubahan tersebut merangkumi kemudahan kenderaan, teknologi info-komunikasi dan cara berniaga yang kesemuanya semakin canggih dari tahun ke tahun. Hasil ledakan kemajuan sistem ini juga telah turut menjana intelektual manusia ke hadapan melalui perkongsian maklumat dunia tanpa sempadan dan waktu. Contohnya dengan kemunculan empayar-empayar perniagaan info-komunikasi yang meletakkan teknologi mereka ke piawaian-piawaian tertentu yang mendesak sesebuah negara tidak kira negara-negara yang sudah maju ataupun negara-negara yang sedang membangun agar mencapai piawaian, profesionalisme dan mutu perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan yang dikehendaki sekaligus mempersiapkan tenaga kerja yang sentiasa *update* dengan perkhidmatan yang ditawarkan melalui sistem perhubungan yang holistik dan kompetitif.

## EKONOMI ISLAM

Syariah bermaksud hukum-hakam yang telah ditetapkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan disampaikan menerusi rasul-Nya iaitu Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Dalam Syariah tersebut mengandungi tiga bahagian utama; pertama - Aqidah iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan tauhid dan keimanan, kedua - Akhlak iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan budi pekerti dan moral, yang ketiga - Fiqh iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum-hakam perbuatan manusia sehari-hari seperti Fiqh 'Ibadat, Fiqh Jinayat, Fiqh Munakahat dan Fiqh Mu'amalat.

Ekonomi Islam bermaksud “memahami ilmu Sains Kemasyarakatan yang mengkaji kegiatan atau tingkah laku manusia dalam soal mengurus dan mentadbir sumber-sumber alam atau punca keluaran untuk kepentingan diri dan kepentingan masyarakat bagi mendapat keredhaan Allah<sup>2</sup>”.

---

<sup>2</sup> Hailani Muji Tahir & Nik Abd Rahim Nik Abd Ghani, kertas bertajuk: Pengenalan Kepada Disiplin Fiqh Mu'amalat Dan Ekonomi (Proceeding International Seminar On Mu'amalat, Islamic Economics And Finance 2009) pada 1 & 2 Dzul Qaedah 1430H/ 20 -21 Oktober 2009, Equatorial Hotel, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Manakala Fiqh Mu'amalat membawa maksud “memahami urusan mentadbir sesuatu perkara yang berhubung dengan hukum Syara’ dan kaitannya dengan urusan harian, termasuk jual beli, perniagaan dan perdagangan<sup>3</sup>.”

Fiqh Mu'amalat adalah asas kepada sistem ekonomi Islam yang terbina dari tiga sektor iaitu:-

1. Sektor al hukumah/ as-siasah (kerajaan/awam/politik);
2. Sektor at tijarah (swasta/perniagaan/perusahaan/perdagangan); Dan
3. Sektor al-ijtimai' (kebajikan/sosial).

Ketiga-tiga sektor tersebut berfungsi bagi melaksana dasar belanjawan negara, fiskal atau pendapatan negara, dasar sumber-sumber alam, perindustrian, perniagaan dan kewangan serta dasar kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

Justeru itu, Ekonomi Islam dan Fiqh Mu'amalat mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk mengurus sumber alam kurniaan Allah ini dengan berpandukan hukum Syara’.

## **SISTEM PERHUBUNGAN DAN EKONOMI ISLAM**

Sistem perhubungan<sup>4</sup> masakini pula dikaitkan dengan komponen dan keperluan pengangkutan dan teknologi info-komunikasi atau disebut juga sebagai ICT (Info-Communication Technology) yang terbentuk melalui kemudahan prasarana, undang-undang dan peraturan serta entiti-entiti yang menggerak sistem tersebut seperti manusia atau pengguna, kemudahan pengangkutan, ICT, jalanraya, pengawalan sistem dan sebagainya.

---

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> A.S. HORNBY, Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay Dictionary (2007) menyatakan bahawa sistem bermaksud kumpulan benda-benda atau bahagian-bahagian yang bergerak bersama sebagai satu keseluruhan: Atau bermaksud kaedah atau amalan dan peraturan tradisional yang wujud di dalam masyarakat, institusi, perniagaan dan sebagainya. Manakala perhubungan pula bermaksud *act of communicating* seperti perbuatan menyampaikan, memancarkan, mengedarkan: Atau juga membawa maksud *means of communication* seperti jalanraya, kereta api, telefon, telegraf antara tempat, atau radio dan TV.

Apakah peranan atau setakat manakah tingkatan peranan yang dipertanggungjawabkan kepada sistem perhubungan dalam membangun ekonomi Islam? Hakikatnya peranan tersebut adalah amat penting kerana apabila ianya dikaitkan dengan ekonomi Islam, ianya tidak lari dari tanggungjawab yang diperuntukkan di dalam Fiqh Mu'amalat agar selaras dengan kehendak hukum Syara'. Dan apabila sistem perhubungan bergabung dengan cara hidup yang Islamik, ianya akan menjadi satu sistem yang cukup sempurna kerana asasnya ialah melaksanakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang.

### 1. Prinsip dan Nilai

Sistem perhubungan tidak akan sempurna dalam membangun ekonomi Islam sebagaimana yang dikehendaki Syara' tanpa mengikuti prinsip-prinsip yang ada dalam ekonomi Islam iaitu:-

- a) Mengetahui bahawa Allah sebagai pemilik sebenar ekonomi.
- b) Manusia sebagai khalifah di muka bumi yang diamanahkan mentadbir sumber alam dan kekayaan Allah.
- c) Sistem agihan semula kekayaan berorientasikan sosial (zakat)
- d) Larangan Riba, Maysir dan Gharar.
- e) Sistem yang beretika yang mementingkan ketelusan dan keadilan.
- f) Memenuhi keperluan seluruh umat manusia.
- g) Menjana aktiviti pasaran kewangan dan perekonomian sebenar.

Dari prinsip-prinsip tersebut, jelas memperlihatkan tiga nilai utama iaitu:-

- a) Nilai Rabbaniyyah (Ketuhanan) – nilai yang diambil kira dari batasan-batasan yang telah ditentukan oleh hukum Syara' seperti hukum-hakam dalam perkara suruhan atau larangan.
- b) Nilai Akhlaqiyyah (Akhlaq) – pembentukan akhlak-akhlak mahmudah (terpuji) seperti amanah, jujur dan ikhlas. Menjauhi sifat-sifat mazmumah (tercela) seperti menipu, pecah amanah dan penyelewangan.

- c) Nilai Insaniyyah (Kemanusiaan) – persaudaraan, hormat-menghormati, berlaku adil sesama insan, tolong-tolong dan bekerjasama tanpa mengira latarbelakang, memelihara keamanan dan sebagainya.

## 2. Maqasid as-Syariah

Disamping itu dalam merangka pembangunan strategik agar ianya bertepatan dengan kehendak Syara', para ulama antaranya as-Syatibi telah menggariskan Maqasid as-Syariah sebagai bahan rujukan atau *checklist* penting agar tujuan dan rancangan yang akan dilaksanakan tidak tersasar dari hukum Syara' sebagaimana yang telah dimanifestasikan di dalam Al Quraan dan Al Hadith. Kerana pada dasarnya, hukum Syara' itu bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan dan kebaikan umat manusia, di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Ta'la di dalam surah Al-Baqarah ayat 185 yang berkaitan dengan kelonggaran berpuasa bagi musafir;

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Tafsirnya;

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan”

Firman-Nya lagi di dalam surah yang sama ayat 280 yang berkaitan dengan mereka yang menanggung hutang yang berat;

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ

Tafsirnya;

“Dan jika dia (orang yang berhutang itu) dalam kesempitan hidup (yang tidak membolehkannya membayar hutang) maka berilah tempoh sehingga dia mampu (untuk membayar hutangnya).”

Imam Syatibi dalam al-Muwafaqat membahagikan Maqasid as-Syariah itu kepada tiga perkara<sup>5</sup>:-

- a) Dharuriyyat (Asas) – perkara asas yang mesti wujud untuk menjamin kemaslahatan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Tanpa kewujudan perkara asas tersebut akan mengakibatkan kehidupannya terjejas di dunia dan di akhirat. Dan dharuriyyat ini terbahagi kepada lima perkara iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Menurut al-Imam al-Ghazali di dalam kitabnya al-Mustasfa min ‘Ilmi al-Usul (1973)<sup>6</sup> menyatakan bahawa Maqasid al-Syariah itu seperti berikut:

" مقصود الشرع من الخلق خمسة : وهو ان يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم  
ومالهم, فكلما يتضمن حفظ هذه الاصول الخمس فهو مصلحة وكل ما يفوت هذه الاصول فهو  
مفسدة, ودفعها مصلحة "

Yang bermaksud;

“Apa yang dimaksudkan dengan masalah ialah memelihara tujuan Syara’ iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Apa sahaja yang membawa kepada terpeliharanya lima perkara itu maka itulah masalah. Setiap perkara yang boleh membawa kepada kerosakan salah satu daripada lima perkara itu atau seluruhnya, maka itu adalah keburukan dan kerosakan yang mesti ditolak/dihindari.”

Contoh;

- i. Sistem ICT dalam operasi kewangan.
- ii. Pengharaman minum arak dalam penerbangan.

<sup>5</sup> Hailani Muji Tahir & Nik Abd Rahim Nik Abd Ghani, kertas bertajuk: Pengenalan Kepada Disiplin Fiqh Mu’amalat Dan Ekonomi (Proceeding International Seminar On Mu’amalat, Islamic Economics And Finance 2009) pada 1 & 2 Dzul Qaedah 1430H/ 20 -21 Oktober 2009, Equatorial Hotel, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

<sup>6</sup> Prof. Madya Dr. Asyraf Wajdi Dusuki & Prof. Madya Dr. Said Bouheraoua, *The Framework of Maqasid al-Syariah (Objectives of the Syariah) and Its Implication for Islamic Finance*, Research Paper No: 22/2011, terbitan International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance.

- b) **Hajiyat (Keperluan)** – Perkara yang diperlukan manusia dalam bentuk kemudahan untuk menghindari sebarang kesukaran dan bebanan yang dapat mengakibatkan tidak tercapainya tujuan. Namun tidak bererti jika ianya tidak wujud dapat merosakkan hidupnya sepertimana dalam perkara yang bersifat dharuriyyat, ketiadaannya manusia akan mendapat kesusahan dan kesukaran (*masyaqqah*) sebagai contoh di dalam mu'amalah terdapat banyak konsep-konsep Syariah seperti *mudharabah*, *musyarakah*, *ijarah* dan sebagainya sebagai pilihan dalam bermu'amalat di dalam kewangan Islam.

Contoh;

- i. Cawangan bank.
  - ii. Promosi.
- c) **Tahsiniyyat (pelengkap)** – perkara yang melengkapkan sesuatu keperluan itu pada tahap yang lebih selesa, dan jika sebaliknya ianya tidak memberi apa-apa kesan kepada pelakunya.

Contoh;

- i. Mobile banking.
- ii. Kad ATM (Automated Teller Machine).

## **KESIMPULAN**

Kaedah-kaedah yang dinyatakan tadi merupakan antara panduan asas yang telah diamalkan dalam ekonomi Islam khasnya dalam industri kewangan Islam malahan ianya menjadi satu panduan dalam menentukan apa-apa produk dan perkhidmatan itu patuh Syara' iaitu sebelum ianya diperkenalkan ke pasaran. Namun isu dan cabarannya tidak dinafikan antaranya:-

- a) Akad dan transaksi kewangan yang perlu sentiasa mantap dan ke hadapan melalui teknologi terkini merupakan cabaran untuk menjadikan proses itu sentiasa patuh Syara'.
- b) Keselamatan dari *cyber attack* yang memerlukan kekuatan *cyber security*.
- c) Kawalan dan pemantauan.
- d) Isu baru.

Justeru itu, amalan terbaik antarabangsa khususnya di dalam kewangan Islam antaranya telah banyak menggariskan rangka kerja atau panduan dalam membangunkan ekonomi Islam agar patuh Syara' dan dalam masa yang sama selari dengan arus kepesatan ekonomi dunia yang bergerak pantas ke hadapan melalui industri-industri berskala besar termasuklah industri pengangkutan dan perhubungan. Barangkali pada peringkat sistem perhubungan perlunya ada indikasi atau kod Syariah sebagai panduan bahawa apa yang dilaksanakan itu tidak bertentangan dengan kehendak Syara'. Dengan adanya ciri-ciri tersebut ianya akan melengkapkan sistem yang beridentitikan Al-Quraan dan Al-Hadith serta menjadi sebuah negara yang senantiasa berbaik-baik dan juga senantiasa mengharapkan keampunan dari *Allah Subhananhu Wa Ta'ala*.

Firman Allah Ta'ala di dalam surah Saba' ayat 15;

بُدَّةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Tafsirnya;

“(Negeri kamu ini ialah) negeri yang baik (aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun<sup>7</sup>”

Firman-Nya lagi di dalam surah Al-'Araf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Tafsirnya;

“Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi”

<sup>7</sup> Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya 1435H/2014M

**SUMBER RUJUKAN**

1. Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya 1435H/2014M.
2. Mu'jam al-Istilahat al-Iqtisadiyyat wal Islamiyyah, Maktabah al-Ubaikan, Riyadh cetakan pertama tahun 2000.
3. Abu Ishak as-Syirazi, al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam as-Syafi'e (kupasan Dr. Muhammad az-Zuhaili,) Juz 3, terbitan Darul Qalam Beirut, cetakan pertama 1417H/1996M.
4. Dr. Ahmad as-Syarbasi, Yas Alunaka Fi ad-Din Wal Hayat, jilid 4, terbitan Darul Qalam Beirut, cetak 1416H/1995M.
5. ISRA COMPENDIUM FOR ISLAMIC FINANCIAL TERMS Arabic – English, Terbitan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), cetakan pertama 2010
6. Kamus Inggeris Melayu Dewan, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, cetakan pertama 1991.
7. Kamus Dewan edisi keempat, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 2010.
8. A.S. HORNEY, Oxford Compact Advanced Learners' English-Malay Dictionary.
9. B.N. AHUJA, Dictionary of Commerce, edaran S,S Mubarak & Brothers Pte. Ltd, Kallang Bahru Complex, Singapore.
10. Akademi Fiqh Islam : Resolusi dan Saranannya mengenai Perbankan Islam dan Kewangan (1985 – 2000), terbitan Bank Islam Brunei Berhad, cetakan pertama 1422H/2001M
11. Prof. Madya Dr. Asyraf Wajdi Dusuki & Prof.Madya Dr. Said Bouheraoua, The Framework of Maqasid al-Shari'ah (Objectives of the Shari'ah) and Its Implications for Islamic Finance, research paper (No.22/2011), terbitan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance.
12. Prof. Madya Dr. Mohamad Akram Laldin & Dr. Hafas Furqani, The Objective of the Shari'ah in Islamic Finance: Identifying the Ends (Maqasid) and the Means (Wasa'il).
13. Sistem Kewangan Dalam Islam, terbitan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, cetakan kedua 1992 (IBB Brunei).
14. Dr. Ahcene Lahsasna, A Mini Guide to Islamic Contracts in Financial Services, terbitan Centre for Research and Training (CERT) , Malaysia, cetakan 2012.
15. Dr. Muhammad Rawwas Qal'ahji, Al-Mu'amalat Al-Maliyah Al-Mu'asirah Fi Daw'I Al-Fiqh Wa Al-Syari'ah (Urusan Kewangan Semasa Menurut Perspektif Syariah Islam), terjemahan Dr. Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari, terbitan Al-Hidayah Publishers Wilayah Persekutuan Malaysia, cetakan pertama 2005.
16. Konsep Perniagaan dalam Islam, Terbitan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar, Universiti Brunei Darussalam,cetakan pertama 2002.

17. Islamic Financial System: Principles & Operations, terbitan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance, cetakan kedua 2013.
18. Nor Mohamed Yakcop, Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia, terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, cetakan pertama 1996.
19. Falsafah dan Prinsip Perundangan Islam, terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor Malaysia, cetakan pertama 1986.
20. Prof. Dr. Md Som Sujimon, Konsep dan Perlaksanaan Mu'amalat Pada Zaman Khulafa Al-Rashidin, terbitan Kolej Pengajian Islam Johor Press (MARSAH), Johor Darul Takzim, Malaysia, cetakan pertama 2014.
21. Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, Soal Jawab Perbankan Islam Siri ke 2, terbitan Bank Islam Brunei Berhad, 1425H/2004M.
22. Prof. Dr. Anwarullah, Some Aspects of Islamic Economic System, terbitan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, cetakan pertama 1994.
23. Dr. Zaharuddin Abd Rahman, Contracts & Products of Islamic Banking, terbitan Cert Publications Sdn Berhad, Malaysia, cetakan kedua 2012.
24. Syed Omar Syed Agil & Aidit Ghazali, Readings in the Concept & Methodology of Islamic Economics, terbitan Cert Publications Sdn Berhad, Malaysia, cetakan pertama 2005.